

BERITA HARIAN

DATE: 14/10/2008

PM gembira Najib dapat sokongan

BH - 14/10/2008

Abdullah yakin pengganti boleh tadbir negara

Oleh Azman Zakaria dan Nor Azma Laila
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira kerana Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak setakat ini mendapat sokongan padu dalam pencalonan jawatan Presiden Umno selepas 28 bahagian mengadakan persidangan perwakilan masing-masing.

“Sudah tentu saya perlu gembira kerana mereka menyokong beliau. Itu adalah baik. Saya nak Datuk Seri Najib menggantikan saya... saya nak ahli parti beri sokongan kepada beliau. Saya percaya beliau boleh jadi pemimpin yang baik,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Forum Serantau

Amerika Syarikat-Dunia Islam di sini, semalam.

Sehingga kelmarin, 28 bahagian Umno sudah mengadakan persidangan perwakilan dengan semuanya mencalonkan Najib untuk bertanding jawatan Presiden parti.

Mengenai laporan dalam portal berita mendakwa Najib menyalahguna kuasa dan campur tangan dalam siasatan kes pembunuhan wanita

“**Saya nak Najib ganti saya... saya nak ahli parti beri sokongan kepada beliau**”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Mongolia, Altantuya Shaaribu, Abdullah berkata:

“Saya percaya dengan beliau. Saya percaya beliau seorang yang baik dan akan menjadi Perdana Menteri yang baik dan mampu untuk memberikan kepemimpinan yang baik. Saya tidak percaya beliau terbabit dalam salah guna kuasa.

“Jika beliau seorang yang cenderung untuk menyalahguna kuasa dan jika beliau bercadang menyalah guna kuasa, bagaimana beliau akan menjadi pengganti saya.”

Laporan *Malaysia Today* mendakwa berlaku pertukaran mesej menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) antara Najib dan Datuk Muhammad Shafee Abdullah, peguam yang mewakili Abdul Razak Baginda sebelum didakwa bersubahat dengan dua pegawai polis dalam



ABDULLAH beramah mesra dengan bekas Setiausaha Kementerian Luar Bangladesh, Muhammad Zahir dan Pengerusi IAIS, Mohammad Hashim Kamali (dua dari kanan) selepas merasmikan Forum Serantau Amerika Syarikat-Dunia Islam, di Kuala Lumpur, semalam.

pembunuhan Altantuya.

Sementara itu, Abdullah menjelaskan beliau tidak pernah mencadangkan agar semua parti komponen Barisan Nasional (BN) dibubarkan untuk digantikan dengan satu parti pelbagai kaum.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya mencadangkan supaya BN memberi respons kepada rakyat yang mahu menjadi sekutu atau menyumbang dan berinteraksi dengan gabungan itu tanpa menyertai parti komponen berasaskan perkauman.

Abdullah berkata, berlaku

salah faham dan kesilapan laporan akhbar berhubung kenyataannya itu sehingga Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, membuat anggapan sebarang cadangan untuk menjadikan BN satu parti pelbagai kaum ibarat seperti membubarkan Umno yang selama ini tunjang kekuatan kerajaan.

“Saya tak setuju (parti komponen dibubarkan), dia (Ahmad Shabery) juga tidak setuju. Tapi ada sebuah akhbar dalam laporannya menyatakan seolah-olah apa yang Ahmad Shabery cakap

itu menentang apa yang saya cakap, sedangkan apa yang saya cakap itu sekadar memberi ruang kepada rakyat berbilang kaum sebagai kumpulan menjadi ahli BN. Dengan itu kita berpeluang berinteraksi, ini membawa kebaikan,” katanya.

Menjelaskan cadangannya itu, beliau berkata, ahli kumpulan berkenaan yang tidak terikat kepada parti berasaskan kaum akan memberi pandangan mengenai sesuatu isu sebagai rakyat Malaysia dan tidak berdasarkan kaum.